

Malaysia sebagai bandar pintar dalam RMKe-12

BH ONLINE | Isnin, 23 September 2019 | 12:28pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin hadir pada majlis pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia serta Persidangan dan Pameran Cities 4.0 2019 di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Salhani Ibrahim

KUALA LUMPUR: Kepentingan ke arah menjadikan Malaysia sebagai bandar pintar antara perkara yang menjadi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata gambaran bagi bandar pintar itu adalah diintegrasikan dengan teknologi mampan dalam perkhidmatan bandar, yang akan menambah baik keselamatan awam dan kualiti hidup rakyat negara ini.

Antaranya, kata beliau termasuk sambungan 5G, komuniti tanpa tunai, pengangkutan awam yang efisien, penghantaran dron, bangunan cekap tenaga, rawatan air dan pengurusan sampah pintar.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, di peringkat nasional, isu utama ketika ini adalah terlalu banyak pemain bandar pintar yang bekerja secara sendiri (silo), sekali gus menghalang pembangunan bandar pintar secara keseluruhannya.

“Justeru, dalam konteks ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sudah menyediakan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia.

“Rangka kerja yang komprehensif ini mengandungi kesemua tiga peringkat kerajaan dan pembabit sektor swasta untuk menyelaraskan pembangunan bandar pintar di Malaysia.

“Ini juga bagi memastikan panduan dan keputusan kerajaan yang lebih jelas, yang mengambil kira pandangan daripada semua pihak berkepentingan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika melancarkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia serta Persidangan dan Pameran Cities 4.0 2019 di sini, hari ini.

Ucapan beliau disampaikan melalui rakaman video pada majlis pelancaran itu, yang turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.